

Kejatuhan harga saham kerana kesalahan sendiri

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kejatuhan harga saham di negara ini berpunca daripada sikap pelabur tempatan sendiri yang terlalu terpengaruh dengan sentimen pasaran asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata golongan rakyat Malaysia ini bukan sahaja tidak mengkaji prestasi pasaran negara tetapi lebih terpengaruh dengan pasaran di New York dan Tokyo.

11 JAN 1992

"Mereka yang main pasaran saham tidak mengkaji prestasi syarikat. Kalau turun harga saham di New York dan Tokyo, harga saham kita pun jatuh," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia menjadi mangsa kejatuhan harga saham kerana kesalahan diri sendiri. Katanya, hampir s

syarikat di negara ini mencatatkan keuntungan besar, termasuk keuntungan beratus-ratus juta ringgit dengan pertumbuhan ekonomi lapan peratus setiap tahun.

Menurutnya, sikap pelabur yang terpengaruh dengan sentimen pasaran asing menyebabkan harga saham Malaysia sentiasa jatuh apabila harga saham di New York jatuh di samping nilai ringgit merosot walaupun ekonomi negara stabil.